

**NAKFAH ANAK YATIM DAN TANGGUNGJAWAB WARIS  
ORPHANS' ALIMONY AND KIN' RESPONSIBILITY**

Mohammad Dhiya'ul Hafidh bin Fatah Yasin<sup>1</sup>, Muhammad Muthi`ul Haqq bin Fatah Yasin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), dhiya@kuiips.edu.my.

<sup>2</sup>Pensyarah, Kolej Universiti Islam Perlis, [muthi@kuiips.edu.my](mailto:muthi@kuiips.edu.my).

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

**Abstrak**

Fenomena rumah perlindungan terpaksa berhempas pulas menanggung anak yatim adalah perkara yang menyedihkan, dan seolah-olah tiada jalan keluar melainkan mendapat ihsan masyarakat. Justeru kajian cuba memperhalusi masalah ini dan mencari adakah syarak telah mempunyai penyelesaiannya terhadap isu ini. Kajian menggunakan kaedah kepustakaan untuk mencari data yang diperlukan, sambil bersifat kritis dalam menganalisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa syariat Islam telah membezakan antara *kafālah* dan *haqānah*, dan telah menentukan senarai ahli waris yang perlu menjadi *kāfil* kepada anak yatim tersebut yang berbeza menurut *madhāhib fiqhyyah*. Dalam masa yang sama, anak yatim itu sendiri mempunyai prasyarat tersendiri sebelum layak untuk menerima *kafālah* orang lain. Implikasi kajian ini ialah pihak *Uli al-Amr* boleh menilai perkara ini untuk dimasukkan dalam enakmen undang-undang Islam selain menilai kembali kadar bantuan yang kini diperuntukkan untuk golongan anak yatim, kerana *Uli al-Amr* turut menjadi *kafil* kepada mereka dalam situasi tertentu.

**Kata kunci**

Nafkah anak yatim, tanggungjawab waris, *kafālah*, rumah perlindungan, penerima pusaka.

**Abstract**

*The phenomenon of orphanages having to struggle to grow and sustain the orphaned children is a misery that seems to be no way out except by asking the kindness of society. Therefore, the study tries to attend the problem and find out if the Islamic law has a solution to this issue. The study use library method to find the necessary data, while being critical in constructing the discussion. The findings of the study show that Islamic law has distinguished between kafālah and haqānah, and has determined the list of heirs who need to be the kāfil to the orphans, but different according to madhāhib fiqhyyah respectivele. At the same time, the orphan himself has his own prerequisites before qualifying to receive the kafālah of others. The implication of this study is that Uli al-Amr can relook into the matter to decide if it deserve to enacted among Islamic law, in addition to re-evaluating the rate of assistance currently provided to the orphans, as Uli al-Amr is also a kafil to them in certain circumstances.*

**Keywords**

*Orphan alimony, kin's responsibility, kafālah, ophanage, heirs*

### 1.0 Pendahuluan

Menurut perangkaan 2017, Negeri Perlis mempunyai sebelas pusat jagaan anak yatim dengan taburan seperti berikut:

Jadual 1: Perangkaan Kanak-kanak di Pusat-pusat Jagaan Anak Yatim di Negeri Perlis Tahun 2017

BIL	DUN	PUSAT JAGAAN (Anak Yatim)	BILANGAN PENGHUNI			
			MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
1	Sena	Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Dan Amal Rumah Teduh Perlis No. 45, Lorong Haroom Bunga, Jalan Sekolah Derma, 01000 Kangar, Perlis.	36	0	0	0
2	Bintong	Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak Yatim Mak The Lot 1573 Bukit Besi Hangit, Jalan Raja Muda, 01000 Kangar, Perlis	19	0	0	0
3	Tambun Tulang	Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Perlis Kompleks Penyayang Dr. Siti Hasmah, Jejawi, 02600 Arau, Perlis	41	0	0	0
4	Tambun Tulang	Pusat Jagaan Rumah Hembusan Kasih Lot 271 Jalan Arau – Kangar, 02600 Arau, Perlis	15	0	0	0
5	Mata Ayer	Pusat Jagaan Teratak Rahmat Pusat Pengajian Al-Islah, 02500 Mata Ayer, Perlis.	31	0	0	0
6	Sena	Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Dan Amal Rumah Teduh Perlis No. 45, Lorong Haroom Bunga, Jalan Sekolah Derma, 01000 Kangar, Perlis.	28	0	0	0
7	Bintong	Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak Yatim Mak The Lot 1573 Bukit Besi Hangit, Jalan Raja Muda, 01000 Kangar, Perlis	25	0	0	0
8	Tambun Tulang	Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Perlis Kompleks Penyayang Dr. Siti Hasmah, Jejawi, 02600 Arau, Perlis	58	0	0	0
9	Simpang Empat	Pusat Jagaan Rumah Sejahtera Baitul Hannan Jalan Sungai Berembang Behor Mali, 02700 Simpang Empat, Perlis	10	0	0	0
10	Titi Tinggi	Pusat Jagaan Rumah Sejahtera Kaki Bukit Pekan Kaki Bukit, 02200 Kaki Bukit, Perlis.	22	0	0	0
11	Chuping	Pusat Jagaan Rumah Sejahtera Batu Bertangkup Jalan Kilang Gula, 02500 Chuping, Perlis	12	0	0	0
<b>JUMLAH</b>			<b>297</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis di [www.data.gov.my](http://www.data.gov.my)

Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian berkenaan jadual di atas iaitu:

- 1) Semua penghuni rumah jagaan anak yatim di Perlis berketurunan Melayu dan beragama Islam. Justeru isu ini penting untuk dilihat dari sudut Syariat Islam.
- 2) Kebiasaannya semua nafkah yang diperlukan kanak-kanak penghuni rumah berkenaan ditanggung dan diusahakan oleh penjaga rumah berkenaan, sama ada sumber kerajaan, sumbangan orang ramai atau harta peribadi. (*kafalah*)

Perkara ini dijadikan fokus kerana penjagaan anak yatim sering dikaitkan dengan ajaran Islam, dan adakah benar Islam mengajarkan bahawa nafkah anak yatim yang dijaga *kāfil al-yatīm* (penjaga anak yatim) jatuh 100% atas bahu *kāfil al-yatīm* tersebut?

Selain itu, tidak jarang juga pusat jagaan tersebut, sama ada kerajaan atau swasta, mengalami kekangan kewangan sehingga mereka sendiri merasa terbeban terutama untuk pusat jagaan swasta yang ditubuhkan oleh orang-orang yang ingin memperoleh ganjaran Allah *subhānahu wa ta'ālā*. Beban tersebut kadang-kadang mereka terpaksa mengorbankan keperluan anak dan isteri sendiri yang mereka secara fardhu ain bertanggungjawab atas mereka, demi kebajikan anak orang lain yang merupakan fardhu kifayah.

Menurut Hasim et al. (2019: 25), bahkan penjaga tersebut akan dihukum jika berlaku pengabaian kepada anak-anak orang lain yang dipikulkan ke atas bahunya untuk menjaga dengan undang-undang seperti Dasar Kanak-kanak Negara, Hak Kanak-kanak 1989 yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada 17 Februari 1995, Dasar Perlindungan Kanak-kanak 2009 serta Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 dimana penjaga boleh dihukum dengan denda maksimum RM50,000 atau penjara 20 tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan (seksyen 31 (1)(a) Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016).

Daripada isu ditimbulkan, persoalan yang diketengahkan ialah adakah wajar dari segi syarak perbelanjaan anak yatim dan anak golongan miskin yang ditempatkan di situ penjaga yang menanggung keseluruhan belanja anak-anak tersebut, atau Islam telah menetapkan sumber tertentu untuk menafkahi anak-anak kurang bernasib baik tersebut? Terutama kerana konsep pusat jagaan anak yatim tidak dikenali pada zaman Rasulullah *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam*? Justeru apakah pula yang dimaksudkan dengan penjaga anak yatim yang tersebut dalam hadis Rasulullah *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam*:

عن سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا." قال سهل: وَأَشَارَ بِالسَّبَّابَةِ وَالْوَسْطَى، وَقَرَّجَ بَيْنَهُمَا شَيْئًا

Maksudnya: Daripada Sahl bin Sa'd, Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* berhadis, "Aku dan penjaga anak yatim di syurga seperti ini." Berkata Sahl,

“Sambil baginda menunjukkan jari telunjuk dan jari tengah, dengan merenggangkan sedikit antara kedua-duanya.”

Al-Bukhari, no. 6005

## 2.0 Definisi Anak Yatim

Dalam bahasa Arab, *yatīm* (يَتِيم) dan kata asalnya *yutm* (يُتْم) bermaksud tunggal atau bersendirian. Dalam penggunaan umum, perkataan yatim untuk manusia digunakan untuk ‘anak yang kehilangan ayah’, manakala bagi haiwan ianya digunakan untuk membawa maksud ‘anak yang kehilangan ibu’. *Yatmān* (يَتْمَان) pula ialah kanak-kanak yang belum mencapai usia baligh. *Yatm* (يُتْم) pula bermaksud kesedihan. (al-Fairūz Ābādī, 2005: 1172; Ibn Manzūr, 1986: 12/645).

Ibn Manzūr turut menambah, bagi anak ‘manusia’ yang kematian ibu, ia disebut sebagai *al-‘ajiyy* (العَجِيي) dan yang kematian kedua-dua ibupanya, ia disebut sebagai *al-laṭīm* (اللَّطِيم). Namun *al-‘ajiyy* itu sendiri asalnya bermaksud yang cacat. Justeru anak kematian ibu dinamakan sebagai *al-‘ajiyy* kerana dia tidak sempurna tidak mendapat susu ibunya dan terpaksa meminta-minta daripada yang lain. (Ibn Manzūr, 1986: 15/29). Manakala asal *al-laṭīm* pula daripada *laṭama* (لَطَم) bermaksud menampar muka atau anggota tubuh lain dengan tapak tangan. (Ibn Manzūr, 1986: 12/542).

Terdapat justifikasi kenapa syarak tidak menamakan anak yang kehilangan ibu tapi masih mempunyai ayah sebagai anak yatim, iaitu kerana kehilangan penjagaan ibu tidak menjadikan anak tersebut anak yatim dari segi syara’ kerana mudharat yang dihadapi anak secara umumnya tidak seberat kehilangan tempat bergantung.

Daripada makna-makna ini dapat disimpulkan, bahawa makna anak yatim ialah ‘anak yang kehilangan tempat bergantung sayugia berada dalam situasi yang teramat menyedihkan dan layak digelar cacat/ kurang sempurna, serta memerlukan belas dan perhatian orang lain’

Namun dalam Dewan Bahasa dan Pustaka pula, anak yang kematian bapa sahaja yang secara rasmi disebut dalam kamus sebagai yatim. Tidak pula disebut tentang anak yang kematian ibu sahaja. Adapun anak yang kematian kedua-dua ibubapanya disebut sebagai yatim piatu. Namun, piatu secara bersendirian pula mempunyai maksud yang kedua, iaitu orang dagang/ perantau yang tidak mempunyai saudara mara.

Adapun yatim makna dari segi syarak, Kementerian Wakaf Kuwait (2006: 45/254-255) telah menyebut definisi yatim sebagai “anak yang kematian ayahnya sebelum sampai usia baligh”, berdasarkan hadis Rasulullah *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*:

قَالَ عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ: حَفِظْتُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَلَا يُتِمُّ بَعْدَ اخْتِلَامٍ"

Maksudnya: Berkata Ali bin Abi Talib: Aku menghafal daripada Rasulullah *sallahu a‘alaihi wa sallam*, “Tiada (status) yatim selepas mimpi (baligh).”

Abu Daud, no 2873

Namun, mimpi menjadi baligh tersebut adalah perkara sulit yang tidak menjadi kelaziman untuk ditanyakan. Sebahagian orang juga tidak mengalami sama sekali

mimpi tersebut. Oleh itu para ulama' menggariskan kadar had umur untuk baligh sebagai rujukan umum apabila keadaan memerlukan untuk mengenal pasti sama ada seseorang anak itu sudah mencapai usia baligh atau belum. Antara pendapat yang disebut oleh Kementerian Wakaf Kuwait (2006: 8/191-193) ialah:

1. Di sisi *Syāfi'iyah*, *Hanābilah*, Abu Yusuf dan Muhammad dari kalangan *Hanafiyyah* (serta menjadi pegangan mazhab), usia tersebut ialah 15 tahun, berhujahkan hadis Ibn Umar R.A. yang tidak dibenarkan menyertai perang Uhud, tetapi dibenarkan untuk menyertai pempangan Khandaq.
2. Di sisi *Mālikiyyah* dan Abu Hanifah (tetapi tidak menjadi pegangan mazhabnya), usia tersebut ialah 18 tahun. Pendapat ini merujuk kepada pandangan Ibn Abbas R.A. di samping untuk lebih bertolak ansur agar anak yatim berpeluang dilindungi dengan status tersebut sehingga usia 18 tahun, berbanding hanya 15 tahun.

Adapun di Malaysia, kerajaan telah menetapkan umur 18 tahun sebagai had umur kanak-kanak secara umum yang diambil dari had umur yang ditetapkan oleh World Health Organisation (WHO). Ketetapan umur ini seterusnya akan berkait dengan tanggungjawab perlindungan, hak berkahwin, kewajipan nafkah, kebebasan, urusan mahkamah, akaun bank dan sebagainya. Namun jika dilihat dari sudut fiqah, maka pendapat ini ialah berdasarkan pandangan Mazhab *Mālikī*, dan bukan Mazhab *Syāfi'ī* yang sinonim sebagai pegangan mazhab fiqah masyarakat Melayu.

### 2.1 Yatim *Hukmī*

Istiti (2007, 12-14) menekankan bahawa yatim terbahagi kepada dua, iaitu yatim *syar'ī* dan yatim *hukmī*. Yatim *syar'ī* seperti yang disebut di atas, iaitu "anak yang kematian ayahnya sebelum sampai usia baligh". Manakala yatim *hukmī* pula menurut beliau:

(terj.) Kanak-kanak yang kehilangan penanggung nafkahnya, pelindungnya dan pembimbingnya. Mereka ialah kanak-kanak yang masih mempunyai ayah, tidak yatim (*syar'ī*) tetapi ayah-ayah mereka dianggap sebagai seolah-olah telah meninggal dunia, menjadikan kanak-kanak tersebut boleh dihukum sebagai yatim. Golongan ini ramai dalam masyarakat. Cara hidup mereka seperti anak yatim. Justeru timbullah istilah yatim *hukmī*. Mereka perlukan kasih sayang, penjagaan, sokongan dan nafkah seperti anak yatim hakiki (*syar'ī*), bahkan dalam banyak situasi mereka lebih perlukan penjagaan, kasih sayang dan nafkah berbanding anak yatim hakiki.

Istiti turut menyenaraikan contoh yatim *hukmī* ini seperti berikut:

1. Anak tawanan perang (banduan. Tawanan perang digunakan oleh Istiti untuk situasi tempat beliau di Palestin)
2. Anak buang yang dibuang ibubapanya kerana beban hidup atau lari dari rumah.
3. Anak yang nasab ayahnya tidak diketahui. (termasuk di sini anak zina yang tidak dapat dinasabkan kepada ayahnya).
4. Anak yang ayahnya tidak mampu bekerja kerana masalah cacat fizikal, mental, atau penyakit dan usia.
5. Anak yang kehilangan ibu kandung, kerana kebiasaan ibu tiri tidak memberi kasih sayang seperti ibu kandung
6. Anak kepada pasangan yang bercerai dan salah seorang atau kedua-dua ibubapanya tidak menjalankan tanggungjawab mereka terhadap anaknya.

7. Anak jalanan atau anak kepada pasangan merempat (*homeless*).
8. Anak yang salah seorang atau kedua-dua ibubapanya merantau ke negeri asing bekerja mencari nafkah sehingga anak tersebut terabai keperluan maknawi atau materinya.
9. Anak yang tidak diketahui status hidup mati atau di mana salah seorang atau kedua-dua ibubapanya.
10. Dan lain-lain.

### 3.0 Keperluan Anak Yatim

Hak-hak anak yatim terbahagi kepada dua: dari sudut maknawi dan *māddī* (materi). Setiap daripada dua bahagian tersebut pula terbahagi kepada *syarī* (yang telah terdapat dalam syarak) atau *wadī* (ciptaan manusia). Jadual berikut memberi gambaran lebih teratur tentang pembahagian dimaksudkan.

Jadual Pembahagian Jenis Kafalah dan Contoh

Jenis Kafalah		Contoh
Maknawi	<i>Syarī</i>	Penjaga perlu mentarbiah anak yatim terutama akidah dan hukum-hakam fardhu ain
	<i>Wadī</i>	Penjaga wajib menghantar anak yatim ke sekolah mengikut peraturan negara.
Materi	<i>Syarī</i>	Penjaga perlu menyediakan tempat tinggal, makanan, pakaian kepada anak yatim mengikut taraf hidup penjaga tersebut
	<i>Wadī</i>	Perjaga dalam kelas B40 wajar meminta bantuan Baitulmal atau JKM untuk membesarkan anak tersebut

Perkara-perkara di atas sering dicampur adukkan sehingga kelihatan semuanya setaraf pada keperluan.

Dari sudut lain, ia juga boleh dibahagikan kepada *Kafalah Syarī* dan *Wadī*, dan masing-masing dibahagikan pula kepada maknawi dan materi. Dari sudut yang lain, ia juga boleh dibahagikan berdasarkan konsep lima keperluan utama dalam *Maqāṣid* Syariah, sebagaimana ia juga boleh dinilai dari Teori Hierarki Keperluan Maslow yang wajar digunapakai secara meluas dalam kehidupan Muslim untuk mendapat hasil yang lebih terperinci, seperti yang disebut oleh Mustafa et al. (2017: 275).

Jadual Teori Hierarki Keperluan Maslow

Tahap	Jenis Keperluan
Rendah	<b>Keperluan Fizikal:</b> Makanan, pakaian dan tempat tinggal
	<b>Keperluan Keselamatan:</b> Keselamatan akal, kewangan, kesihatan, tidak menjadi mangsa cercaan atau penafian peluang kerana statusnya.
Tinggi	<b>Keperluan Sosial:</b> Perasaan dicintai dan merasai perasaan “kekitaan”. Jika dipenuhi, perasaan ketegangan dan tekanan (stress) dapat dielakkan atau dikurangkan.
	<b>Keperluan Penghargaan Diri (<i>Esteem</i>):</b> Keperluan ini ada kaitan dengan keperluan untuk dihormati dan diberi peluang menghormati orang lain. Beri mereka peranan yang boleh memberi mereka peluang untuk memberi sumbangan. Ini akan meningkatkan “penghormatan diri” (self-esteem), bukan setakat sebagai penerima.
	<b>Keperluan Hasrat Diri:</b> Keperluan ini berkaitan dengan keperluan untuk mencapai cita-cita diri sendiri mengikut potensi seseorang manusia.

Bagaimanapun pembahagian berdasarkan jadual kafalah di atas dipilih merujuk kepada objektif kajian, usaha untuk menghitung apa dan berapa keperluan anak yatim adalah satu isu amat besar yang tersendiri. Justeru kajian mengesyorkan supaya keperluan materi anak yatim dihitung seperti berikut:

Jadual Cadangan Nilai Kafalah Anak Yatim

Tempat tinggal	Status Anak Yatim	Nilai	Justifikasi
Bersama ibu atau ahli keluarganya yang lain	Normal	RM250/ bulan (RM3000/ tahun)	Merujuk kepada jumlah Bantuan Anak Pelihara per individu yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat
	OKU	RM500/ bulan (RM6000 tahun)	Merujuk kepada potongan cukai LHDN yang diberi kepada ibubapa anak OKU
	Berpenyakit kritikal yang memerlukan rawatan dalam tempoh panjang	RM500/ bulan (RM6000/ tahun) ditambah dengan kos rawatan yang diputuskan pusat perubatan bertauliah	Kesukaran menjaga anak berpenyakit jauh lebih sukar berbanding menjaga anak sihat. Justeru ia lebih hampir kepada anak OKU. Kos rawatan pula tidak dapat diputuskan kerana penyakit berbeza mempunyai kos yang berbeza
Di rumah jagaan	Normal	RM450/ bulan (RM5400/ tahun)	Merujuk kepada maklumat yang diperoleh daripada Teratak Rahmat (Perlis) dan beberapa rumah jagaan di luar Perlis.
	OKU atau berpenyakit	Tidak dapat dipastikan	Perlu kajian berasingan yang lebih mendalam.

### 3.1 Siapa yang Perlu Menjadi Kafil Anak Yatim

Allah *subhānahu wa ta'ālā* berfirman:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنَمِّمَ الرِّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ وَبَوْلِدُهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ

Maksudnya: Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajiban yang tersebut (jika si bapa tiada).

Surah al-Baqarah (2): 233

Ayat di atas mempunyai beberapa bahagian yang berkait rapat dengan anak yatim. Pertama sekali, seorang ibu tidak wajar dibebankan dengan anaknya, iaitu dari segi *kafalah*. Ini kerana ibu tersebut telah mempunyai tanggungjawabnya, iaitu *hadānah*.

Di sini, ayat ini juga telah menyebut tentang siapakah yang memikul tanggungjawab kafalah seorang anak yatim, iaitu waris kepada anak yatim tersebut. Namun cendekiawan Islam tidak secara mutlak meletakkan tanggungjawab tersebut terus ke bahu para waris. Sebaliknya, mereka mengatakan bahawa *kafalah* anak yatim perlu ditanggung oleh sumber-sumber berikut mengikut turutan:

1. Hartanya sendiri. Diurus oleh penjaga dengan hikmah. Jika tiada,
2. Harta warisnya, menurut turutan penerima pusaka bahagian '*aşabah* (baki), kecuali jika penerima tersebut ialah anak yang belum baligh, maka ia berpindah kepada selepasnya
3. Baitulmal atau kerajaan. (Kementerian Wakaf Kuwait, 2006: 45/256)

Apabila anak yatim tersebut tidak mempunyai hartanya sendiri, maka Kementerian Wakaf Kuwait turut menyenarai pihak-pihak dari kelompok kedua secara lebih terperinci menurut pendapat mazhab-mazhab fiqah Islam sebagai berikut:

Jadual Aturan Pemberi Nafkah Menurut Mazhab

Mazhab	Aturan
Hanafi	Semua lelaki yang menjadi mahram. Adapun yang bukan mahram seperti sepupu, maka tidak, walaupun dia merupakan ahli ' <i>aşabah</i> .
Maliki	Ayah dan anak yang secara langsung sahaja.
Syafii	Ayah, ayah kepada ayah dan ke atas; serta anak lelaki, cucu lelaki daripada anak lelaki dan seterusnya dari sudut ' <i>furū</i> '.
Hanbali	Ayah, ayah kepada ayah dan ke atas; serta anak lelaki, cucu lelaki daripada anak lelaki dan seterusnya semua lelaki penerima pusaka sama ada secara faraid atau ' <i>aşabah</i> .

Daripada perbezaan pandangan empat mazhab di atas, dapat dilihat bahawa hanya Mazhab Hanbali yang secara khusus menyebut tentang waris lelaki secara '*aşabah* turut bertanggungjawab untuk menafkah anak yatim. Walaupun ia tidak disebut oleh mazhab lain secara jelas, namun ia menarik dari sudut '*hikmah tasyrī'iyah* dan moralnya iaitu apabila seseorang itu menerima sesuatu, maka dia wajib membalasnya.

Dari sudut lain, tampak juga '*hikmah tasyrī'iyah* hukum faraid dimana apabila pewaris '*aşabah* itu terdiri daripada satu kumpulan, seperti sekumpulan lelaki dan perempuan yang merupakan adik-beradik kandung, maka seorang lelaki akan mendapat dua bahagian berbanding satu untuk perempuan.

Selain itu, sekiranya ada beberapa pewaris di tahap yang sama, contoh terdapat dua orang saudara lelaki kepada si mati yang dari segi ekonomi, maka kos anak yatim kepada si mati tersebut yang juga merupakan anak saudara kandung mereka berdua dibahagikan sama rata antara mereka. Bukan dipikulkan ke atas seorang sahaja, kecuali dengan permintaannya, bukan paksaan atau menggunakan tipu helah.

### 3.2 *Uli al-Amr* Menjadi *Kāfil*

Situasi di atas tampak sangat sesuai jika ayah kepada si mati ada meninggalkan harta kepada ahli '*aşabah* selain anak yatim tersebut. Namun bagaimana jika dia tidak meninggalkan sebarang harta? Adakah waris lelaki anak yatim tersebut masih perlu menjadi kafilnya? Di sini terdapat hadis Rasulullah *şallallāhu 'alaihi wa sallam*:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَا مِنْ مُؤْمِنٍ إِلَّا وَأَنَا أَوْلَى بِهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ أَقْرَبُ وَإِنْ شِئْتُمْ {النَّبِيُّ أَوْلَى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنْفُسِهِمْ} فَأَيُّمَا مُؤْمِنٍ مَاتَ وَتَرَكَ مَالًا فَلِيرْتَهُ عَصَبَتُهُ مَنْ كَانُوا، وَمَنْ تَرَكَ دِينًا أَوْ ضَيَاعًا فَلْيَأْتِنِي فَأَنَا مَوْلَاهُ"

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah *radhiyallahu 'anh*: Sesungguhnya Rasulullah *sallahu 'alaihi wa sallam* berhadis, "Tidak ada seorang mukmi melainkan aku lebih berhak terhadapnya di dunia dan akhirat. Bacalah jika kamu mahu, {Rasulullah lebih berhak terhadap kaum mukminin berbanding di mereka sendiri}. Barangsiapa meninggal dalam dengan meninggalkan harta, maka biarlah *asabahnya* mewarisinya. Namun barangsiapa yang meninggalkan hutang atau waris (anak yatim), maka biarlah aku yang menguruskannya."

Al-Bukhari, no. 2399

Walaupun zahir hadis ini menunjukkan pewaris sama sekali tidak perlu menanggung beban si mati, hutang apatah lagi tanggungan yang perlu dinafkahinya, namun Ibn Hajar (1359, 12/10) mengatakan hadis di atas khas untuk anak yatim yang bapanya tidak mempunyai sebarang harta yang ditinggalkan. Tidak kepada anak yatim tersebut, dan tidak juga kepada waris yang lain. Apabila situasi ini berlaku, maka pihak *Uli al-Amr*lah yang perlu menjadi *kāfil* kepada anak tersebut.

Di Malaysia, *Uli al-Amr* melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sejak 2016 memperuntuk bantuan kepada keluarga ibu tunggal bernilai RM100 sebulan untuk seorang anak berusia 18 tahun ke bawah dengan jumlah maksimum RM450 sebulan untuk lebih daripada empat orang anak. Namun, jika anak tersebut dijaga di rumah kebajikan atau keluarga angkat, bantuan diberi bernilai RM250 seorang dengan maksimum RM500 untuk dua anak dan ke atas. Bantuan ini dinamakan Bantuan Kanak-Kanak atau BKK. (JKM, n.d.). Selain itu, terdapat juga bantuan daripada pihak negeri, terutama Majlis Agama Islam, tetapi masing-masing dengan kadar sendiri. (Amin Don, 2017).

Namun, kerajaan sebenarnya tidak mempunyai dasar khusus kepada anak yatim. Sebaliknya, mereka digolongkan dalam kelompok kanak-kanak yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001 dimana semua yang berusia 18 tahun ke bawah tertakluk kepada akta ini dimana syarat untuk menerima BKK ialah:

1. Berumur 18 tahun ke bawah;
2. Berumur persekolahan dan perlu meneruskan persekolahan;
3. Yatim/ yatim piatu atau mempunyai ibubapa / penjaga yang tidak berkemampuan atau putus mata pencarian kerana uzur, cacat, berpenyakit atau tanggungan banduan atau pusat tahanan.

Di sini jelas kelihatan bahawa status anak yatim sahaja tidak melayakkan seseorang itu mendapatkan bantuan.

Dalam masa yang sama, ahli waris tetap digalakkan untuk tidak berlepas diri sepenuhnya daripada tanggungjawab tersebut, sebaliknya berusaha menanggungnya, dan ia adalah antara amalan yang disebut sebagai besar oleh al-Quran, dalam firman Allah *subhānahu wa ta'ālā*:

فَلَا اقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ (11) وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ (12) فَكُ رَقَبَةً (13) أَوْ إِطْعَمَ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْعَبَةٍ (14) يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ...

Maksudnya: “Hendaklah manusia itu berusaha bersungguh-sungguh (melaksanakan) perkara yang besar. (11) Apa yang kau tahu tentang perkara besar itu? (12) (Iaitu) Memerdekakan hamba (13) Atau memberi makan pada hari kelaparan (14) atau yatim yang merupakan kerabat ...”

Al-Balad (90): 11-15

Selain itu, terhadap hadis lain yang menunjukkan bahawa perbuatan menanggung beban waris yang bukan kewajipannya adalah perbuatan yang disokong Rasulullah *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam*, dalam hadis berikut:

عن الفضل بن العباس قال: أَنَّهُ كَانَ رَدَفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِدَاةَ النَّحْرِ. فَأَتَتْهُ امْرَأَةٌ مِنْ حَتَّعَمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ فَرِيضَةَ اللَّهِ فِي الْحَجِّ عَلَى عِبَادِهِ، أَدْرَكْتُ أَيْ شَيْحًا كَبِيرًا لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يَرَكِبَ، أَفَأَحُجُّ عَنْهُ؟ قَالَ: "نَعَمْ، فَإِنَّهُ لَوْ كَانَ عَلَى أَيْبِكَ ذَيْنٌ قَضَيْتِهِ"

Maksudnya: Daripada al-Faḍl bin Abbas, beliau berkata bahawa beliau menanggung bersama *Rasulullah ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* pada pagi Hari Korban. Baginda didatangi oleh seorang wanita Khath'am yang bertanya, “Wahai Rasulullah, fardhu haji telah wajib ke atas hambanya. Ayahku sudah tua dan tidak mampu menanggung (untuk perjalanan jauh). Bolehkah aku menghajikan bagi pihaknya?”. Baginda menjawab, “Ya. Sekiranya ayahmu berhutang, maka engkau lunasilah hutang tersebut.

Ibn Majah, no. 2909

Dimana anak perempuan tidak wajib untuk menanggung hutang ayahnya, namun sahabiyah tersebut tetap melakukannya, dan Rasulullah *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* menyokongnya.

### 3.3 *Ulī al-Amr* Mewajibkan Waris Penerima Pusaka Memberi Nafkah

Memandangkan waris tertentu yang menerima bahagian daripada si mati adalah *kāfil* kepada anak yatim yang ditinggalkan si mati, maka pemerintah boleh mewajibkannya secara *waḍ'ī*, iaitu menjadikannya enakmen yang dikuat-kuasakan, dan boleh pemberi *haḍānah* kepada anak yatim tersebut menuntutnya melalui saluran mahkamah, berdasarkan kaedah:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: Tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat bergantung kepada maslahat.

Pemerintah boleh mewajibkan perkara ini sebagaimana ia boleh membiarkannya sahaja seperti keadaan di Malaysia sekarang. Kedua-dua situasi ini mempunyai kebaikan dan keburukan masing-masing.

Sebagai contoh, antara kebbaikannya ia boleh merapatkan hubungan sesama keluarga. Namun risikonya, boleh jadi disebabkan kewajipan ini hubungan menjadi renggang kerana sukar untuk menjadikan semua manusia untuk reda menanggung sesuatu beban melainkan jika ia wajib.

Contoh yang lain ialah dengan mewajibkannya, nasib anak yatim tersebut lebih terbela. Dari sudut materinya, dia dapat hidup seperti anak-anak orang lain. Adapun risikonya ialah perkara ini akan menyebabkan anak-anak *kāfil* yang taraf ekonominya sekadar mampu akan mendapat kurang.

Namun secara dasarnya, selain perkara tersebut tetap dituntut dalam agama bahkan disebut sebagai amalan yang besar, seperti disebutkan dalam hadis Rasulullah *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*:

لَا يَنْقُصُ مَالٌ مِنْ صَدَقَةٍ

Maksudnya: Tidaklah berkurang harta kerana sedekah.

Al-Bazzar, no. 1032; Abu Ya'la, no. 849 & Ahmad, no. 1674

### Syarat Untuk Seorang Anak Yatim Wajar Menerima *Kafālah*

Dari sudut lain, ia juga dimaksudkan sebagai kos *haḍānah*. Terdapat juga perbezaan dalam kalangan ulama tentang apakah syarat yang mewajibkan seorang anak itu dinafkahi seperti berikut:

Jadual Syarat Anak Yatim Untuk Layak Menuntut *Kafālah* Dari Orang Lain

Mazhab	Syarat anak yatim		
	Status ekonomi	Usia	Status merdeka
Hanafi	Miskin	Lelaki sehingga baligh kecuali penuntut ilmu sepenuh masa. Perempuan sehingga kahwin	Merdeka
Maliki	Miskin	Sehingga baligh, matang atau mampu mencari rezeki sendiri, menurut yang terakhir.	Merdeka
Syafii	Miskin	Sehingga baligh, matang atau mampu mencari rezeki sendiri, menurut yang terakhir.	Merdeka
Hanbali	Miskin	Sehingga mampu mencari rezeki sendiri.	Merdeka

Sumber: Olahan semula dari al-Jazairi (2011, 4/462-464)

Daripada jadual di atas, dapat dilihat bahawa menurut jumbuh, *haḍānah* anak perempuan yang berkait dengannya tanggungan kos sama seperti lelaki, iaitu terhenti apabila wanita tersebut mampu mencari rezeki sendiri. Ini kerana menurut jumbuh, *haḍānah* hanya berlaku untuk kanak-kanak, orang gila dan orang cacat. Di sini *haḍānah* berkait dengan *wiṣāyah*. Hanya Hanafi yang mengatakan *haḍānah* anak yatim perempuan sehingga dia berkahwin.

Dari sudut lain, sekiranya *haḍānah* dikait dengan *wiṣāyah*, maka objektifnya lebih kepada penjagaan harta. Tetapi jika *haḍānah* diiringkan dengan *wilāyah*, maka *'illah*

(sebab) yang menghubungkan antara kedua-duanya ialah penjagaan terhadap jiwa dan perlindungan terhadap yang dilihat lemah.

*Wişāyah* berlaku ke atas kanak-kanak lelaki dan perempuan sehingga di mencapai tahap *rusyd* (matang) yang mana indikatornya yang paling selamat yang diletak oleh ulama ialah boleh mencari rezeki sendiri, manakalah *wilāyah* berlaku ke atas perempuan berlaku sehingga dia berkahwin.

Pendapat Hanafi melihat kepada Sunnah bagaimana anak-anak Rasulullah *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* yang telah diceritakan iaitu Zainab, Ruqayyah dan Ummu Kalthum *raḍiyallāhu ‘anhum* kembali dijaga oleh baginda *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*. Begitu juga dengan Umar *raḍiyallāhu ‘anh* yang berusaha mencarikan jodoh untuk anaknya Hafsa *raḍiyallāhu ‘anha* setelah menjadi janda.

Pendapat jumhur pula lebih berpegang kepada umumnya ayat *wiṣāyah* dalam firman Allah *subhānahu wa ta‘ālā*:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَامًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا  
(5) وَابْتَلُوا الْيَتَامَى حَتَّى إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنْ آنَسْتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوا إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ...

Maksudnya: “Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik. (5) Dan ujilah anak-anak yatim itu sehingga mereka cukup umur boleh kahwin. Kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka telah *rusyd* (matang dan berkebolehan menjaga hartanya), maka serahkanlah kepada mereka harta mereka ...”

Al-Nisā’ (4): 4-5

Dan penjagaan harta bermaksud memeliharanya daripada menyusut, dan ia bererti boleh bekerja, bukan semata-mata pandai berjimat. Ini kerana sejimat manapun seseorang, bahkan walau tidak digunakan sama sekali, harta itu pasti berkurang sama ada kerana perlu membayar zakat, inflasi atau lain-lain sebab. Justeru ia perlu dikembangkan. Kerana itu kepada para pemegang *wiṣāyah*, Umar *raḍiyallāhu ‘anh* telah berpesan:

عن أنس بن مالك، عن النبي صلى الله وسلم، "ابْحِرُوا فِي أَمْوَالِ الْيَتَامَى، لَا تَأْكُلْهَا الرِّكَاهُ" [مالك،

كتاب الرِّكَاهِ، باب زكاة أموال اليتامى والتجارة لهم فيها، رقم 863]

Maksudnya: Daripada Anas bin Malik, Rasulullah *sallallāhu ‘alaihi wa sallam*, “Perdagangkanlah harta anak yatim (di bawah jagaan kamu) dan jangan biar ia dimakan sedekah.”

Al-Tabrani dalam al-Ausat, 4/264

Begitu juga dengan hadis Rasulullah *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*:

عن مالك بن الحارث، عن النبي صلى الله عليه وسلم، "من ضمَّ يتيماً بين أبوين مُسلمين إلى طعامه وشرابه حتى يستغني عنه، وجبت له الجنة البتة"

Maksudnya: Daripada Malik bin al-Harith, Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wa sallam*, "Barangsiapa yang menanggung makan minum anak yatim yang ibubapanya Muslim sehingga dia tidak lagi memerlukannya, maka wajiblah baginya syurga."

Ahmad, no. 19025

'Tidak lagi memerlukannya' lebih wajar untuk difahami sebagai boleh bekerja sendiri, umum untuk anak yatim lelaki mahupun perempuan.

**Memberi Nafkah adalah Syarat Lelaki Dianggap *Qawwām* kepada Kaum Wanita**  
Allah *subhānahu wa ta‘ālā* berfirman,

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْعَمُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ...

Maksudnya: Kaum lelaki itu adalah *qawwām* (pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab) terhadap kaum perempuan; kerana apa yang Allah telah melebihi mereka (lelaki) atas yang lain (perempuan), dan juga kerana apa yang mereka (lelaki) berikan nafkah daripada dari harta mereka.

Surah al-Nisā' (4): 34

Ayat di atas menunjukkan bahawa Allah SWT menjadikan lelaki itu mempunyai kelebihan dan pemimpin pada wanita. Namun, kelebihan tersebut datang bersama tanggungjawab menafkahi keluarga, termasuk menjadi *kāfīl* kepada anak yatim yang merupakan saudaranya, bukan membiarkannya dipikul oleh ibu kepada anak yatim tersebut.

#### 4.0 Rumusan dan Cadangan

Islam sebagai agama *rahmatan li al-‘ālamīn*, telah mengajar umatnya untuk membantu si mati selepas kematiannya dengan para pewarisnya yang mampu membantu menanggung anak-anaknya yang menjadi yatim, sehingga dewasa. Namun ketidak-caknaan menyebabkan tidak sedikit yang telah mengabaikan anak yatim tersebut, walaupun kadang kala rajin memberi dan bersedekah kepada pihak lain.

Justeru kajian ini mencadangkan agar masyarakat diberi kesedaran yang lebih meluas kepada masyarakat agar cakna tentang isu ini. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan juga disyorkan untuk mengkaji isu ini dengan lebih mendalam sama ada wajar dijadikan undang-undang yang membolehkan para penjaga anak yatim, sama ada ibu mereka sendiri, ahli keluarga lain bahkan pusat jagaan anak yatim berhak mendapatkan perintah mahkamah agar nafkah mereka diberi oleh lelaki dari keluarga si ayah; atau berpada sekadar seruan moral.

#### 5.0 Rujukan

- Abu Daud. T.t. Al-Sunan. Beirut: Maktabah al-Asriyyah.
- Al-Asqalani. 1979. Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Amin D. 6 Bantuan Kerajaan di Malaysia Yang Tidak Diketahui Ramai. 2017. <https://www.comparehero.my/budgets-tax/articles/bantuan-kerajaan-malaysia>. 23 Julai 2018.
- Bernama. JPN Daftar Lebih Setengah Juta Anak Luar Nikah. 2016. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/10/jpn-daftar-lebih-setengah-juta-anak-luar-nikah/> 23 Julai 2018.
- Al-Bukhari. 2000. Al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ min 'Umr Rasūlillāh Ṣallallāhu 'Alaihi wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī). Beirut: Dar Tuq al-Najah.
- DBP. T.t. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=yatim>. 26 April 2020.
- Diyana I., Selvaratnam D.P. dan Idris N.A. 2009. Isu dan Cabaran Ibu Tunggal Dalam Menghadapi Perubahan Persekitaran Global. PERKEM. Vol. 1, bil. 4, hlmn. 324-336. <http://www.ukm.my/fep/perkem>
- Al-Fairuz Abadi. 2005. Al-Qāmūs al-Muḥīṭ. Beirut: Percetakan al-Risalah.
- Ibn al-Athīr. 1979. Al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Āthār. Beirut: Maktabah al-Ilmiyyah.
- Hashim, N.I.I., Yusof, W., Kusrin, Z. M. 2019. Pengabaian Kanak-Kanak dan Jaminannya Menurut Syarak dan Undang-Undang di Malaysia. Journal of Contemporary Islamic Law. Vol. 4, Bil. 1, hlmn 18-28.
- Ibn Kathir. 1999. Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm. Beirut: Dar Taibah.
- Ibn Majah. 2007. Al-Sunan. Beirut: Dar al-Risalah.
- Ibn Qudamah. 1968. Al-Mughnī. Kaherah: Maktabah al-Kaherah.
- Istiti, T.M. 2007. Ḥuqūq al-Yatīm fī Fiqh al-Islāmī. Nablus: Universiti Kebangsaan al-Najah. Unpublished MA thesis.
- JAIS. Wali Nasab/ T.t. <https://www.jais.gov.my/v2/faq.php> 24 Julai 2018.
- JKM. Sejarah JKM. 2018. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UGU5dnNUNTFidDdmMmFqR3VJZ2tkdz09>. 23 Julai 2018.
- Al-Jazairi, A.R. 2011. Fiqh 4 Mazhab. Terjemahan Yusuf Sinaga, Abdurrahman Saleh Siregar dan Muhammad Zuhirsyan. Pattani: Bin Halbi Press.

KPWKM. Skim Bantuan Bulanan JKM. 2017.  
<https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal/fullpage&id=WWIWRyt2M0JxZnNsK1JTL1UxYUtXdz09>. 13 Mac 2020.

Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. 2006. Al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah. Kuwait: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait.

Muslim. T.t. Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ilā Rasūlillāh ṣallallāhu 'alaihi wa sallam (Ṣaḥīḥ Muslim). Beirut: Dar Ihya' Turath Arabi.

Mustafa N.Z, Awang J. & Ahmad A.B. 2017. Teori Maslow dan Kaitannya Dengan Kehidupan Muslim. Jurnal Hadhari, vol. 9, bil. 2, hlm. 275-285.

Al-Nasafi. 1998. Madārik al-Tanzīl wa Haqā'iq al-Ta'wīl (Tafsir al-Nasafi). Semakan Yusuf Ali Badawi. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib.

Al-Qurtubi. 2003. Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān. Riyadh: Dar Alam al-Kutub.

Al-Razi. 1999. Mukhtār al-Ṣiḥaḥ. Beirut: Maktabah al-Asriyyah,

Al-Tantawi. M. S. 1997. Tafsīr al-Wasīṭ. Kaheerah: Dar Nahdhah Misr.